

21/04/2002

Najib dan Hishammuddin sokong Pak Lah sebagai bakal PM

WALAU PUN Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah mengulanginya banyak kali, namun masih ada lagi yang meragui Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi adalah bakal Perdana Menteri kita, iaitu PM yang kelima.

Apa pun orang kata tentang Pak Lah, pada pendapat saya, dia tetap mengambil alih jawatan PM apabila Dr M meninggalkan dunia politik satu hari nanti.

Pak Lah telah menerima banyak tawaran bagi meninggalkan dunia politik, antaranya Pengerusi Hicom (Heavy Industries Corporation) apabila dia menang kerusi Naib Presiden Umno walaupun ditentang keras oleh elemen yang tidak senang dengannya termasuk Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Sekian masa dia terpinggir tetapi Pak Lah tidak putus asa. Dia sanggup kembali sebagai "orang biasa" dan bekerja kuat tanpa publisiti (tidak seperti mereka yang gila gambar dan berita walaupun merugikan masuk dalam akhbar) membantu memperkuat Umno.

Nasibnya baik. Apabila Anwar dibuang sebagai TPM, Dr M ada dua pilihan. Pak Lah atau Datuk Seri Najib Tun Razak. Kerana sebab tertentu dan realpolitik, Dr M memilih Pak Lah. Saya ingat sangat saya telefon Pak Lah dari New York (mengucapkan tahniah) dan saya memujuk Najib agar jangan cepat kecewa. Najib agak kecewa tetapi bersikap positif, menerima apa yang telah berlaku, walaupun pada pendapat saya dengan hati yang berat.

Pada 14 April lalu, saya telah ditemu ramah melalui telefon oleh Pengerang Umum (Editor-At-large) akhbar mingguan bisnes berbahasa Inggeris, Edge, P Gunasegaram yang telah menyiarkan hampir semua apa saya katakan kepadanya.

Gunasegaram bertanya apakah yang boleh menggagalkan Pak Lah daripada menerima pusaka Dr M? Saya jawab, hampir tiada melainkan takdir! Pak Lah telah menjalankan tugasnya dengan baik setakat ini. Pak Lah mempunyai ketahanan, suatu sifat tidak wujud di kalangan pemimpin yang tidak sabar.

Saya tegaskan Pak Lah popular di kalangan ahli Umno bawahan dan terlebih penting dengan perwakilan Umno ke Perhimpunan Agung Umno.

Berdasarkan apa yang saya tahu, Dr M senang dengan Pak Lah dan saya tidak nampak dalam situasi politik masa kini, ada calon lain boleh mencabarnya. Apalagi Najib dan Datuk Hishammuddin Hussein telah membuat kenyataan dengan tegas mereka menerima Pak Lah sebagai pengganti Dr M. Ada seorang dua yang kurang gembira dengan Pak Lah tetapi mereka berada di luar pagar 'Kota Putrajaya!' Mereka ini berkeras berkata bahawa terlalu awal bagi membuat keputusan.

Kekuatan Pak Lah (walaupun dia dilukis oleh musuhnya sebagai lembab, tidak tegas dan lambat membuat keputusan) adalah dia dipandang oleh majoriti rakyat sebagai pemimpin yang relatifnya amanah dan bersih. Saya yakin apabila dia jadi orang nombor satu, personaliti Pak Lah akan berubah bagi kebaikan!

Percayakah anda Pak Lah tidak ada rumahnya sendiri sungguhpun orang di bawahnya dan beberapa "bekas itu dan ini" mempunyai bukan satu bahkan dua tiga mahligai? Dia mempunyai satu banglo tetapi terpaksa dijual apabila dia tidak jadi menteri lagi bagi menyara keluarganya. Pak Lah tinggal di rumah kerajaan apabila dia kembali jadi menteri (Menteri Luar) pada tahun 1991 di Jalan Bellamy (belakang Istana Negara) sebelum berpindah ke kediaman rasminya di Putrajaya.

Mereka yang suka memperlekehkan Timbalan Perdana Menteri melakukannya

dengan penuh risiko. Pak Lah nampak lemah dan lembut tetapi apabila haknya tercabar dia boleh menjelma sebagai seekor singa!

Bukan Melayu dan Melayu sederhana menyokong Pak Lah. Tiada seorang pun pemimpin tertinggi Umno yang ada kredential agama Islam sebaiknya. Dia boleh jadi Imam dan membaca Khutbah, suatu yang lazim baginya bukan dibuat-buat. Saya banyak kali menjadi makmum - sembahyang fardu dan tarawih - semasa dia di luar kerajaan.

Tidak lama dulu saya telah menasihatinya supaya beraksi 'lebih garang sedikit'. Jawabnya; "Lah, you mahu saya macam itu. Tidak boleh." Kini saya bersetuju dia tidak perlu lagi mengubah sifat semula jadinya. Apa pun musuhnya kata Pak Lah harus terus bersifat lembut. Mereka akan sedar apabila masanya tiba Pak Lah juga bisa realis dan praktikal.